

MANIFESTASI SOSIOBUDAYA DALAM LAGU RAKYAT MELAYU PATANI DAN MALAYSIA

*SOCIOCULTURAL MANIFESTATION IN FOLK SONGS
OF THE MALAY PATANI AND
MALAYSIA*

Aminoh JEHWAE

Kurikulum Bahasa Melayu dan Pengajian Melayu, Prince of Songkla University, Pattani, Thailand
aminah.y@psu.ac.th

Received: 15th August 2024

Accepted: 1st November 2024

ABSTRAK

Lagu rakyat merupakan sebuah khazanah sastera yang menjadi bahan untuk mengenali budaya dan tamadun bangsa. Lagu rakyat dicipta atas usaha untuk merakamkan sesuatu kejadian atau peristiwa yang berkaitan dengan gaya hidup setempat, khususnya mencakupi sejarah, kesenian, kebudayaan dan adat istiadat orang Melayu di alam Melayu. Kajian ini telah memilih lagu rakyat dari dua buah tempat, iaitu wilayah sempadan Selatan Thai dan kawasan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Di dua kawasan ini telah ditemui beberapa khazanah warisan Melayu dalam bentuk lagu yang asalnya dituturkan atau dilakukan secara lisan dan kemudiannya didokumentasikan. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis manifestasi elemen sosiobudaya dalam lagu rakyat Melayu Patani dan Malaysia serta memahami peranannya dalam melestarikan warisan budaya masyarakat Melayu di tengah-tengah cabaran globalisasi. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu pemerolehan data adalah melalui sumber kepustakaan dengan menerapkan teori ekologi budaya dalam menganalisis data. Melalui kajian ini khalayak dapat mengetahui peranan sastera lisan terhadap pembentukan tamadun sesuatu bangsa yang dapat dikesani melalui genre lagu.

Kata kunci: khazanah; lagu rakyat; Melayu Patani; Malaysia; sosiobudaya

ABSTRACT

Folk songs represent a literary treasure that serves as a means of understanding a nation's culture and civilization. Folk songs are created as an effort to record events or occurrences related to local lifestyles, encompassing history, arts, culture, and customs of the Malay people in the Malay world. This study selected folk songs from two regions: the southern border provinces of Thailand and the northern regions of Peninsular Malaysia. In these areas, several Malay heritage treasures in the form of songs have been discovered, initially passed down orally and later documented. Therefore, this study aims to analyze the manifestation of sociocultural elements in Malay folk songs from Patani and Malaysia and understand their role in preserving Malay cultural heritage amidst the challenges of globalization. This qualitative study collects data through library research, applying cultural

Manifestasi Sosiobudaya dalam Lagu Rakyat Melayu Patani dan Malaysia

ecology theory in data analysis. Through this study, the audience gains insight into the role of oral literature in shaping a nation's civilization, as evidenced through the folk song genre.

Keywords: heritage; folk songs; Pattani Malay; Malaysia; sociocultural

Pengenalan

Lagu rakyat ialah satu daripada genre sastera Melayu yang digolongkan ke dalam kategori sastera Melayu klasik. Menurut Dananjaja (1984), lagu-lagu rakyat dapat dibezakan dengan lagu-lagu pop dari segi ketahanan peredaran masa. Lagu-lagu pop biasanya tidak dapat bertahan lama, seperti lagu-lagu rakyat. Lagu rakyat merupakan khazanah warisan bangsa yang tidak ternilai harganya. Ia menjadi warisan dan kebanggaan sejak turun-temurun kerana mengandungi pelbagai falsafah dan pemikiran Melayu yang unggul yang menjadi teras pembentukan identiti Melayu. Selat (2006) menegaskan bahawa lagu rakyat merupakan satu aspek budaya masyarakat *peasant* atau kampung. Ia berkait rapat dengan tradisi lisan yang diamalkan oleh masyarakat yang tidak mempunyai satu sistem tulisan, apatah lagi pula muzik. Maka dengan itu, lagu rakyat dianggap tradisional dan mewakili era dahulu atau era lama. Lagu rakyat seperti juga tradisi lisan yang lain, seperti cerita-cerita jenaka atau cerita-cerita binatang, disampaikan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain melalui mulut dan juga kekerapan diamalkan.

Lagu rakyat boleh difahami sebagai gabungan gubahan muzik berdasarkan seni kata dan diiringi dengan persembahan atau gerak tari tertentu. Ia tercipta dalam pelbagai bentuk antaranya seperti pantun, seloka, syair, gurindam, bahasa berirama atau bentuk-bentuk bebas yang lain. Seni kata yang digunakan pula lazimnya menggunakan bahasa ‘dialek’, bergantung pada tempat ia dihasilkan dengan loghat-loghat tempatan masing-masing. Irama dan rentak lagunya pula sangat unik kerana mempunyai kaitan langsung dengan suasana budaya dan alam setempat. Lebih menarik lagi, muziknya bersifat kelompok atau kumpulan etnik tertentu dan kebanyakan lagunya dinyanyikan dengan irangan alat-alat muzik tradisional, manakala persembahannya mempunyai gerak tari yang mengandungi makna tertentu yang sering menggambarkan aktiviti masyarakatnya.

Lagu rakyat wujud atas pelbagai sebab dan fungsi pada zaman ia dilahirkan. Menurut Driss (2006), ia mungkin merupakan ekspresi perasaan seni anggota-anggota masyarakat, atau ada fungsi sakral, pemujaan dan penyembahan. Lagu-lagu yang diistilahkan sebagai lagu-lagu ekspresi perasaan ialah lagu-lagu yang tercetus ketika melaksanakan kerja-kerja rutin seperti berkayuh dan berdayung di sungai. Lagu-lagu sakral merangkumi lagu-lagu yang pada sesuatu ketika hanya dinyanyikan oleh orang tertentu seperti pawang dan bomoh untuk tujuan penyembahan atau pemujaan, lagu-lagu dalam ritual perubatan atau sembah. Walau bagaimanapun, lagu rakyat merupakan cerminan masyarakat atau sebagai alat untuk pengucapan perasaan seni masyarakat, berdasarkan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka. Dalam lagu rakyat terungkap pemikiran, falsafah, budaya, nilai dan sikap masyarakatnya.

Permasalahan Kajian

Lagu rakyat Melayu Patani dan Malaysia memainkan peranan penting sebagai medium sosiobudaya yang mencerminkan identiti, nilai, dan kehidupan masyarakat setempat. Lagu rakyat juga dikenali sebagai nyanyian rakyat¹. Ia merupakan lagu yang dinyanyikan oleh ahli masyarakat dahulu yang rata-ratanya bukan sekadar menghibur, tetapi juga untuk mendidik masyarakat (Said, 2004). Adat dan budaya Melayu yang halus dan berbudi bahasa telah menggunakan medium sastera seperti nyanyian atau cerita rakyat untuk menyindir dan menyedarkan khalayak masyarakat Melayu agar lebih berintelektual seiring dengan

¹ Dananjaja (1984: 141) menggunakan istilah *nyanyian rakyat*.

peredaran masa (Mohd et. al, 2019). Namun, dengan perkembangan arus globalisasi dan pengaruh budaya luar, lagu rakyat yang sarat dengan elemen sosiobudaya ini semakin terpinggir dan mungkin mengalami kepupusan dalam kalangan generasi muda. Menurut Menon (2005), lagu tradisional perlu diperkenalkan kepada kanak-kanak sejak awal lagi. Hal ini kerana lagu tradisional menggambarkan kebudayaan dan nilai-nilai bangsa dan negara. Dengan itu, ia memberi peluang kepada generasi kini mengenali identiti kebangsaan. Sebahagian besar lagu tradisional kanak-kanak berunsur jenaka dan memberikan nasihat dan nilai-nilai positif kepada kanak-kanak. Hal ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana lagu-lagu rakyat tersebut dapat berfungsi sebagai cerminan nilai dan norma budaya serta bagaimana elemen-elemen sosiobudaya yang terdapat dalam lirik dan melodi lagu-lagu ini dikekalkan atau diinterpretasikan semula dalam konteks masyarakat Melayu kontemporari. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis manifestasi elemen sosiobudaya dalam lagu rakyat Melayu Patani dan Malaysia serta memahami peranannya dalam melestarikan warisan budaya masyarakat Melayu di tengah-tengah cabaran globalisasi.

Skop Perbincangan

Dalam perbincangan ini, lagu rakyat Melayu Patani merujuk kepada lagu-lagu yang ditemui di empat wilayah sempadan Selatan Thailand. Maka ‘Patani’ sebagai ganti ‘wilayah sempadan Selatan Thailand’. Dari segi sejarah, wilayah-wilayah di sempadan Selatan Thailand adalah termasuk dalam wilayah kerajaan Melayu Patani. Kini Patani bukan lagi sebuah kerajaan Melayu, ia lebih dikenali sebagai sebuah wilayah sempadan Selatan Thailand.

Wilayah sempadan Selatan Thailand adalah sebuah kawasan yang unik dan berbeza dengan kawasan lain di Thailand. Beberapa khazanah Melayu yang ditemui di sini. Antaranya ialah lagu rakyat Melayu Patani yang merupakan salah satu khazanah sastera yang bernilai bagi masyarakat Melayu di wilayah ini. Namun lagu-lagu rakyat dalam masyarakat Melayu Patani semakin lenyap dan sudah dilupakan. Perubahan yang pesat ke arah pemodenan adalah salah satu punca yang menyebabkan lagu rakyat sudah tidak berfungsi dan tidak diamalkan. Walau bagaimanapun, ia tetap menjadi khazanah warisan bangsa yang perlu diketahui dan disebarluaskan kepada generasi yang akan datang agar ia tidak lenyap begitu sahaja.

Perbincangan lagu rakyat Melayu Patani berdasarkan dapatan yang ditemui dalam kajian yang bertajuk *Pengumpulan Lagu Rakyat Melayu Daerah Yingo Wilayah Narathiwat* (Yasalae, et. al 2012). Lagu rakyat yang dikumpulkan merangkumi tiga wilayah di Selatan Thailand, iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat. Sebanyak 100 buah lagu rakyat yang berjaya dikumpulkan dalam kajian tersebut, iaitu lagu kanak-kanak dan lagu orang dewasa. Lagu untuk kanak-kanak seperti lagu irungan permainan dan lagu dodoi. Manakala lagu untuk golongan dewasa, iaitu lagu yang terdapat dalam persembahan Makyung dan dikir barat. Walau bagaimanapun, kajian ini memfokuskan hanya sepuluh lagu yang mencerminkan sosiobudaya Melayu Patani. Lagu rakyat dari Malaysia pula lebih tertumpu pada koleksi lagu rakyat yang dihasilkan oleh Aripin Said. Beliau terkenal sebagai penyair dan penyanyi lagu-lagu rakyat. Beliau banyak membuat persembahan nyanyian rakyat baik di dalam atau luar negeri. Beliau juga sering muncul di kaca televisyen tanah air dalam pelbagai program persembahan lagu-lagu rakyat. Malah beliau telah menghasilkan lebih daripada 150 buah buku kreatif dan akademik baik secara perseorangan maupun dalam bentuk kompilasi.

Kajian ini memilih salah satu buku nyanyian rakyat yang menghimpunkan 10 buah lagu rakyat dan jumlah ini sama dengan jumlah lagu rakyat dari Patani.

Teori Ekologi Budaya atau Teori Adaptasi Alam

Teori Ekologi Budaya menyatakan bahawa unsur alam persekitaran merupakan pengaruh paling penting dalam membentuk sesuatu kebudayaan. Menurut Din (2007) Teori Ekologi Budaya menyatakan unsur alam persekitaran mempengaruhi segala aspek kebudayaan seperti minda (pemikiran), cara makan, pakaian, tempat berlindung, bahasa, pandangan dunia, kesedaran, kepercayaan, nilai, etos, institusi, kesenian dan sebagainya. Itulah sebabnya teori ini juga dinamakan Teori Adaptasi Alam. Dalam hal ini, Selat (1989) memetik kata-kata White (1947) yang menyatakan bahawa kebudayaan merupakan pola asas kepada perlakuan, benda-benda, idea-idea, sentimen dan pengaruh persekitaran. Kebudayaan merupakan satu tatacara dan elemen yang berkaitan dengan cara hidup sebuah masyarakat. Menurut Ember dan Ember (1996) terdapat beberapa tokoh yang memperkenalkan Teori Adaptasi Alam, iaitu Julian Steward, seorang ahli antropologi Amerika Syarikat. Tokoh ini menyatakan bahawa Teori Ekologi Budaya memberi kepentingan kepada keadaan alam, kerana keadaan alam yang sama akan membentuk kebudayaan yang sama walaupun masyarakat berkenaan tinggal di tempat yang berbeza. Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa persamaan tersebut kerana teras budaya (aspek-aspek kebudayaan utama) bagi umat manusia sejagat adalah sama. Oleh itu, apabila menerima pengaruh alam yang sama maka kebudayaan wujud akan menjadi sama. Menurut Din (2007) lagi, terdapat beberapa tokoh yang mengemukakan kajian dan pendapatnya seperti Leslie White, Roy Rappaport dan Marvin Harris.

Oleh sebab itu, Harris (1984) dan White (1947), juga seorang ahli antropologi Amerika Syarikat mempopularkan istilah *evolusi budaya*. White memberi fokus kepada tenaga yang memiliki oleh sesuatu masyarakat. Sekiranya Steward menekan *persamaan*, White pula menekankan *perbezaan* antara kebudayaan. Dalam konteks ini, beliau menyatakan bahawa perbezaan antara sesuatu kebudayaan adalah kerana sesuatu masyarakat menghasilkan dan menggunakan tenaga yang berbeza. White menggunakan formula berikut untuk menjelaskan cara kebudayaan berkembang, iaitu $E \times T = C$. (Simbol E dirujuk sebagai tenaga, T sebagai kecekapan peralatan atau teknologi dan C sebagai kebudayaan) (Din (2007). Oleh itu, Teori Ekologi Budaya dikenali sebagai *Kebudayaan Materialisme* (cultural materialism) (Selat, 1989). Para pengkaji Barat melihat tindakan manusia terhadap alam adalah kerana tujuan praktis dalam kehidupan bagi mewujudkan kebudayaan masing-masing. Teori ini mengaitkan unsur alam persekitaran sebagai pengaruh paling penting dalam membentuk kebudayaan sesebuah kelompok masyarakat.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif pada keseluruhan kajian. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis). Kaedah ini dipilih kerana pengumpulan data dan analisis data bersumberkan kandungan teks lagu rakyat yang telah dibukukan.

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan dan perbincangan hanya menjurus kepada bentuk sosiobudaya orang Melayu yang terkandung dalam lagu rakyat dari kedua-dua negara dengan menggunakan Teori Ekologi Budaya. Setiap lagu mencerminkan sosiobudaya yang berbeza walaupun dari bangsa yang sama. Terdapat beberapa bentuk sosiobudaya orang Melayu yang telah dikenal pasti oleh pengkaji, iaitu:

Sosiobudaya dalam Lagu rakyat Melayu Patani

a) Peranan wanita dalam mendidik anak

Lagu rakyat mengemukakan peranan wanita dalam menjaga dan mendidik anak. Wanita Melayu Patani mempunyai tugas dan tanggungjawab yang tinggi dalam membentuk anak-anak menjadi seorang manusia yang berguna. Lagu rakyat memaparkan hal-hal yang diajar oleh ibu semasa menyanyikan lagu ini kepada anak-anaknya. Perkara yang disampaikan oleh ibu berkaitan dengan keinginan anak menjadi orang yang cerdik dan pandai kerana ia merupakan satu kebanggan bagi keluarga. Pasangan hidup atau jodoh turut diperkatakan oleh ibu. Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan tidak begitu digalakkan dalam masyarakat Melayu Patani pada ketika dahulu. Namun demikian, budaya ini amat berleluasa dalam masyarakat zaman sekarang. Seorang ibu telah berpesan kepada anaknya supaya jangan terlalu memikirkan hal ini kerana jodoh sudah ditentukan Allah. Maka berserah kepada Allah untuk menentukan jodohnya pada masa kelak. Peranan wanita dapat dilihat melalui Lagu rakyat berikut:

Tepuk si andai-andai
Belalang kupu-kupu
Tepuk bagi pandai
Mak upah minum susu

Susu lemak manis
Santan nyo muda
Adik jangan menangis
Mak muah buat kerja

Tepuk si amai-amai
Kalau tepuk ambil menari
Kalaualah bijak pandai
Tak susah menjaga diri

Makan si asam gumpang
Dicampur si asam kana
Kalaualah tuan bimbang
Jodoh tak ke mana

Itiklah gemboi-gemboi
Ayamlah bawa anak

Kutiplah bunga melur
Buwi kot mak anak

Mak anak pakai baju
Jalan kot tepi bukit
Kalau anak tak dengar kataan aku
Aku godan mau boleh sakit.

(Cek Yaena Salising, 2012)

b) Makanan Tradisional

Lagu rakyat Melayu Patani telah menggambarkan unsur budaya pemakanan orang Melayu yang gemar memakan nasi kerabu. Menu tradisional telah menjadi simbol bagi masyarakat Melayu di Selatan Thailand. Ia boleh dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat sama ada muda atau tua, miskin dan kaya. Makanan tradisional ini juga menjadi hidangan yang boleh dimakan pada waktu pagi dan petang. Pengkaji hendak menunjukkan bahawa kehidupan orang Melayu sangat bergantung pada alam semula jadi. Mereka mencari rezeki di dalam hutan. Daun-daun kayu dijadikan ulam. Sebarang benda yang ditemui di dalam hutan, sawah, sungai akan dijadikan makanan untuk ahli keluarga. Lagu nasi kerabu amatlah pendek tetapi amat menghiburkan. Hal ini dapat dilihat melalui petikan lagu berikut:

Nasi kabu nasi kabu
boh budu boh budu
la makae selalu
eh... gaul dulu

(Waenawi Waeloh, 2012)

Justeru itu, nasi kerabu telah menjadi hidangan yang terkenal dan sebatи orang Melayu sejak turun temurun. Sikap kesederhanaan dan kepandaian orang Melayu ialah menghasilkan makanan yang boleh disimpan bertahun-tahun, seperti menghasilkan ikan kering. Hal ini dapat dilihat melalui lagu rakyat berikut:

Ca ca cing
tok ca palo licing
Gi nad Taning beli ikae kering
Kilik dumoh hamad kot bining

(Cek Yaena Salising, 2012)

c) Pekerjaan Orang Melayu

Masyarakat lain boleh mempelajari jenis pekerjaan orang Melayu Patani melalui lagu rakyat. Oleh sebab orang Melayu pada zaman dahulu sangat rapat dengan alam semula jadi, maka pekerjaan yang selalu mereka jalankan adalah menanam padi, menangkap ikan, menenun kain, memelihara binatang dan menoreh getah. Ia boleh dilihat dalam lagu *Laem Lame Tok, Lemu Onek-onek Udae, Ayong Lamuk Laju, Tetak Tebu Betong, dan Kita Orae Susah*. Di sini, pengkaji menurunkan dua rangkap lagu yang memperkatakan pekerjaan orang Melayu, iaitu;

Naik bukit memusing-musing
temu rotae beradu tetak
adik-adik jangae dok rusing
sudah mengetae abae nak masuk mitok

(Cek Yaena Salising, 2012)

Seterusnya lagu;

Kita orae susah cari makae pakat
aku takdok kebong getah semua tebah hutae beluka
(Cek Yaena Salising, 2012)

d) Pakaian Orang Melayu

Dalam masyarakat Melayu Patani, pakaian Melayu adalah faktor terpenting yang dapat membezakan antara penduduk Melayu di Patani dengan penduduk majoriti negara. Pakaian yang dipakai adalah pakaian yang sesuai dengan penduduk tempatan dan agama yang mereka anuti. Selain itu, pemakaian juga dapat menghuraikan tahap keagamaan seseorang. Kaum lelaki akan memakai baju Melayu, kain sarung dan kopiah, sementara kaum wanita pakai skirt, baju kurung dan tudung. Pakaian tersebut dipakai untuk ke majlis-majlis kenduri, kematian, ceramah agama dan aktiviti bermasyarakat yang lain. Baju Melayu, kain sarung dan kopiah bagi kaum lelaki adalah pakaian untuk menuaikan solat sama ada di rumah atau di masjid. Sementara baju kurung, skirt, kain sarung dan tudung bagi kaum perempuan tidak dipakai untuk solat tetapi dipakai untuk semua aktiviti lain dalam masyarakat.

Pakaian tidak semestinya dapat menggambarkan sifat dan sikap rohani seseorang. Namun demikian, pakaian telah menyebabkan majoriti penduduk tempatan dapat menggambarkan tahap keagamaan seseorang. Bagi kaum lelaki Melayu yang memakai seluar pendek atau topi akan dipandang oleh majoriti tempatan sebagai orang yang kurang berpendidikan agama. Sekiranya mereka tidak dikenali, pada tahap awalnya akan dianggap sebagai orang Buddha. Begitu juga bagi kaum perempuan yang tidak memakai tudung, memakai seluar pendek atau baju pendek, mereka tidak akan diakui oleh majoriti masyarakat. Walaupun tidak ada badan rasmi atau pihak berkuasa untuk mencegahnya, tetapi majoriti tempatan tidak menyetujui cara pemakaian tersebut dan sebahagian penduduk mengambil tindakan untuk mencegahnya.

Biasanya orang Melayu suka memakai sarung seperti kain Jawa, Batik dan Pelikat. Ini terbukti melalui lagu *Kaing Baju Kujua*. Lagunya berbunyi;

Kaing baju kujuja
Batik Jawa dan Pelikat
oraе jataе tua muda
kain Pelikat cap Kuda
pakaian anak Melayu
selimut sutera diri
pakaи hari menikah kawin
mari beli tuka kaing

(Cek Yaena Salising, 2012)

e) *Pergaulan antara lelaki dengan perempuan*

Selain budaya yang disampaikan melalui makanan dan pakaian, lagu rakyat Melayu Patani turut mencerminkan cara hidup orang Melayu dari segi pergaulan antara lelaki dengan perempuan. Hal ini dapat dilihat melalui lirik lagu berikut:

Lemu onaek-onaek udae
lemu patah tanok patah tanok
Cik Mek kena godae
Cik Awae kena tumuk
tumuk dama teteng
pasae dama caya
tebuk lubae dineng
nak ita anak dara

(Cek Yaena Salising, 2012)

Lagu ini juga disampaikan dalam bentuk pantun empat kerat. Lagu ini memperlihatkan pergaulan antara lelaki dengan perempuan pada zaman dahulu yang dibatasi oleh agama dan adat resam. Lazimnya, kaum perempuan digalakkan untuk tinggal di rumah. Jika hendak keluar rumah atau ke mana-mana tempat tertentu, mereka mestilah ditemani oleh seseorang daripada kalangan keluarganya bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan. Oleh itu, sukar hendak bertemu atau melihat anak dara pada zaman dahulu seperti yang dijelaskan dalam lagu di atas. Sekiranya hendak melihat anak dara pada zaman dahulu, terpaksa menebuk lubang dinding rumah gadis tersebut.

f) *Aktiviti Permainan Kanak-kanak Melayu Patani*

Aktiviti permainan kanak-kanak Melayu Patani lebih kepada aktiviti secara berkumpulan seperti menyorok, lompat tali, permainan jari dan sebagainya. Malah lagu-lagu rakyat dapat melatih daya fikir kepada kanak-kanak seperti menggerakkan jari-jari dan genggaman tangan.

Lagu cubit-menyubit tangan;

Ketik-ketik sumut
piyo sakit naik atah

(Waenawi Waeloh, 2012)

Seterusnya lagu permainan menggeletek;

Laem- laem tok
mutuk laewo-laewo
mano kapong datok
lek sinig pudu sawo
lauk sama ikae
darat sama ayae
kok kae kok kae

(Ma-eh Kosomi, 2012)

Lagu permainan lompat tali;

Bal lo bah sakena kasa
Si bi ai bi oh...bah

(Cek Yaena Salising, 2012)

Seterusnya ialah lagu yang menggalakkan kanak-kanak untuk bergerak dengan pantas dan bijak dalam membuat keputusan. Lagu ini adalah lagu dalam permainan sorok-sorok dengan membahagikan pemain kepada dua kumpulan. Satu kumpulan sebagai pencuri dan seorang lagi sebagai serdadu atau polis. Serdadu mesti mencari semua pencuri sehingga dapat. Sekiranya tidak dapat mencarinya, pemain itu dianggap kalah dan perlu menjadi polis lagi. Maksudnya, dia perlu mencari pencuri sekali lagi. Permainan ini dimulai dengan nyanyian sambil menuding jari ke arah pemain untuk mencari siapa yang akan menjadi pencuri dan polis. Lagunya berbunyi;

Cak cilok noweng-noweng
kucing lopat menyuri
mana keto mana ketir
Cik Semae sedadu

(Cek Yaena Salising, 2012)

g) Aktiviti Kesenian

Aktiviti kesenian orang Melayu dapat dilihat melalui persembahan dikir barat, Makyung dan wayang kulit. Persembahan dikir barat masih diamalkan dan lebih diminati oleh penduduk di wilayah sempadan Selatan Thailand jika dibandingkan dengan persembahan Makyung. Hal ini kerana Makyung biasanya berkaitan dengan hal pemujaan roh dan perubatan yang bercanggah dengan agama Islam. Oleh itu, amat sukar untuk mendapatkan lagu rakyat yang terdapat dalam persembahan Makyung kerana alasan yang sama. Walau bagaimanapun, terdapat sepuluh lagu rakyat yang ditemui dalam persembahan Makyung. Kajian ini memetik satu daripada sepuluh lagu tersebut, iaitu lagu *Mengadap Rebab*.

Ei..ei..hilir bari nak timo
timo nok royak seorae raja
sebuah negeri
ei..ei... la takdak raja nok saleng Raja Jehwae
takdak negeri nak saleng Negeri Jehwae
 la –ei...ei...raja berusulnya menteri berasal la Jehwae
 le..ei..ei...yom la Jehwae amik la selua sarok di kaki
 sudah siap la abae raja di dalae istana
 aibong la Jehwae..tak buleh di ralik bilae mebilae
 tamoh baro la Jehwae
ei..ei..seperti sireh layong di junjung
lemut-lemut gelosor daun
ayong la Jehwae..seperti seludae meninga kae mayae la Jehwae
ayong la Jehwae ...seperti gajah lamong belala
 ayong la Jehwae..seperti baerae mengajak kae gadeng la Jehwae

ayong la Jehwae diri kami ni tapak tiga la Jehwae
Nak bawa anak kelima la Jehwae terima la kong
ai..yo la tuwae we Jehwae

(Saman Dosomi, 2012)

Dikir Barat merupakan lagu yang sangat digemari oleh penduduk wilayah sempadan Selatan Thailand. Mengikut Daud (2011), dikir barat melibatkan dua jenis lagu yang masing-masing dikenali sebagai *lagu dikir* yang disampaikan oleh *juara*, dan *lagu karut* disampaikan oleh *tukang karut*. Dari segi rentak dan irama, lagu dikir boleh dipecahkan kepada empat, iaitu Padang Pasir atau Arab, irama Hindustan, irama Makyong, dan irama tempatan atau daerah. *Lagu karut* pula terbahagi kepada tiga rentak, iaitu karut perlahan (di peringkat awal), karut cepat (pertengahan dan penghujung), dan karut wau bulan (Penutup).

Lagu rakyat yang terdapat dalam persembahan dikir barat di wilayah sempadan Selatan Thailand juga tidak juah berbeza dengan lagu rakyat dalam persembahan Dikir Barat di Kelantan. Namun demikian, lagu dikir barat yang ditemui di wilayah sempadan Selatan Thailand lebih banyak yang berbentuk lagu dikir dengan menggunakan keempat-empat irama yang dijelaskan oleh Haron Daud. Pelbagai tema yang disampaikan dalam lagu dikir barat, iaitu tema ketuhanan, percintaan, kekeluargaan, kemiskinan, keruntuhan moral, pendidikan dan sebagainya. Khalayak dapat mengetahui situasi atau keadaan masyarakat melalui penghayatan lagu dikir barat seperti contoh berikut;

Inilah dia kisah si ibu miskin
duduk teratak sebuah di basa kameng
menyanyo kita itik berdua belanak
anak menatu sorae tak paling tengok
 cari pagi kais petae di pingi hutae
 makae tak kenya tak apo sekoda ada
 budu semakok ikae saeko sekerat dua
inilah kisah si ibu miskin
duduk teratak sebuah di basa kameng
jemerae sunga rakit buluh betakok
ibu miskin dah sakit teratak buruk
ibu miskin dah mati teratak hanyut

(Cek Yaena Salising, 2012)

Aktiviti kesenian seterusnya ialah wayang kulit. Orang Melayu Patani suka menonton wayang kulit yang boleh dilihat melalui lagu *Tetak Tebu Betong*, iaitu;

Gajah Tokna Budo
belaga balik seberang
semalae takdok tido
bejaga tengok wayang
 wayang balik pitu
 topeng balik dineng
 jatuh tipo datuk
 Jatuh tipo lemeng

(Cek Yaena Salising, 2012)

h) Peranan sireh pinang dalam masyarakat Melayu

Sireh pinang juga merupakan cara hidup orang Melayu sejak dahulu lagi. Begitu juga dengan orang Melayu di wilayah sempadan Selatan Thailand. Terdapat beberapa buah lagu yang memaparkan kewujudan sireh pinang dalam masyarakat Melayu. Ia digunakan dalam upacara beradat dan sebagai makanan ringan. Lagu yang memperkatakan sireh pinang ialah lagu *Itik Puteh Itik Tok Tayong*, *Tetok Tebu Betong*, *Tom Tom Mok*, *Gi Tok Teng* dan *Cak Tilik Tilek Ok*. Lirik lagu *Itik Puteh Itik Tok Tayong* adalah seperti berikut:

Itik puteh itik Tok tayong
Buah lonae buah tepoyok
Kaji pinae kakwae sepiyok
Piyok-piyok pinae kok gedo
Taengok kapo mau maoh gamae
Si liat kot orae tuo
Kalu tido banyok menyenae

(Ma-eh Dosomi, 2012)

Lirik lagu *Tetok Tebu Betong* adalah seperti berikut:

Datok nak bejalae
Banyak orae iring
Iring kuba jatae
Elok masuk cak
Taroh ramot panyae
Makae sireh lipat
Pana lipat kaing
Tok sama daging darah

(Cek Yaena Salising, 2012)

Lirik lagu *Tom Tom Mok*, seperti berikut:

Tom tom mok mok yong mok yong mokde
Pecoh domok gati sute
Ireng ireng pingae makok rajo dewo
Makae sireh pinae cak pelok dado

(Cek Yaena Salising, 2012)

i) Agama Islam sebagai asas kehidupan orang Melayu Patani

Lagu yang menyampaikan aspek agama boleh dilihat dalam lagu *Anak Ayam*, *Bila Izrail*, *Wahai Saudara* dan *Malam Ini*. Kesemua lagu tersebut memaparkan kepercayaan orang Melayu terhadap kudrat Tuhan, ketiautan seorang hamba dengan melakukan apa yang diperintahkan-Nya seperti membayar zakat, membaca al-Quran, solat lima waktu, menuntut ilmu agama dan sebagainya. Lagu *Anak Ayam Turun Sepuluh* menunjukkan bahawa orang Melayu di wilayah sempadan Selatan Thailand menjadikan Islam sebagai asas dalam kehidupan. Setiap orang Islam mesti berpegang teguh kepada syariat dan ajaran Islam seperti percaya kepada rukun Iman dan rukun Islam. Lagu ini disampaikan dalam bentuk

pantun empat kerat, dan terdiri daripada lapan rangkap, seperti berikut:

Anak la ayam turun sepuluh,
Mati seekor tinga semilan;
Akatlah tangan jari sepuluh,
Mintalah apong kepada tuhan.

Anak la ayam turun semilan,
Mati seekor tinganya lapan;
Akatlah tangan minta la apong kepada tuhan,
Jangan meninga akan semayan.

Anak la ayam turunnya lapan,
Mati seekor tinga tujuh;
Mintalah kamu jangae tinga semayang,
Minta bertamoh haengo dapat tujuh.

Anak la ayam turunnya tujuh,
Mati seekor tinganya enam;
Sapai menutut martabatnya tujuh,
Barunya sapa martabatnya iman.

Anak la ayam turunnya enam,
Mati seekor tinganya lima;
Keja kae rukun segalanya iman,
Semayang waktu limanya rukun.

Anak la ayam turunnya lima,
Mati seekor tinga empat;
Rukun Islam yang lima itu,
Jangae wi tinga segala ma'rifat.

Anak la ayam turunnya empat,
Mati seekor tinga tiga;
Segala kena segala ma'rifat,
Barulah kita berjaya segala.

Anak la ayam turunnya dua,
Mati seekor tinganya seekor;
Barulah kena tuhan yang esa,

(Doloh Samae, 2012)

Sosiobudaya dalam Lagu Rakyat Malaysia

Lagu rakyat Malaysia merujuk kepada lagu rakyat Pahang yang telah dihasilkan oleh Aripin Said. Beliau merupakan penggiat seni yang telah banyak mempopularkan lagu rakyat negeri Pahang, dliahirkan pada 11 Dis 1948 di Kampung Batu Bor, Bera, Pahang. Beliu telah

melakukan pelbagai penyelidikan budaya tradisional di dalam dan luar negeri. Beliau turut diangkat sebagai penulis prolifik yang banyak menghasilkan novel dan antologi cerpen. Selain bidang penulisan kreatif, beliau juga bergiat aktif dalam pertubuhan-pertubuhan serta persatuan-persatuan penulis. Sebagai seorang penulis yang prolifik, beliau pernah memenangi pelbagai pertandingan penulisan di dalam negeri anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain. Lagu-lagu rakyat Pahang seperti *Indung-indung* dan *Tebang Tebu* merupakan antara lagu yang sering dinyanyikan dalam persesembahannya (Potal Rasmi Arkib Negara Malaysia, 2016). Aripin Said adalah antara tokoh siri dokumentasi dan sastera rakyat Malaysia yang terulung.

Untuk membincangkan sosiobudaya, lagu rakyat koleksi Aripin Said telah dipilih sebagai korpus kajian. Sebanyak sepuluh buah lagu rakyat yang dikaji, iaitu lagu *Angin*, *Burung Kenek-Kenek*, *Ya Habibun*, *Tu Bulan Tu Bintang*, *Nazam Ya Tuan*, *Indung-indung*, *Galah Mudik*, *Anak Kambing Cantik-Cantik*, *Alamat Hari Nak Siang* dan *Puteri Kayang*. Lagu rakyat Pahang telah menggambarkan kepelbagaian sosiobudaya orang Melayu di Malaysia. Huraian berikut merupakan kepelbagaian sosiobudaya orang Melayu di Malaysia.

a) *Sejarah sebagai pedoman hidup*

Lagu rakyat telah memberi gambaran kehidupan orang Melayu dari pelbagai perspektif. Dalam lagu rakyat *Angin*, pengarang telah mengemukakan konsep hidup orang Melayu yang sangat berhati-hati dalam menjalani kehidupan. Sejarah silam dijadikan sebagai pedoman atau panduan hidup. Berdasarkan lagu ini, dapat dilihat bahawa sejarah kejatuhan negeri Melaka semasa pemerintahan Sultan Mahmud amatlah dihargai. Hal ini kerana sejarah membuktikan bahawa perpecahan dan perselisihan menghancurkan sebuah kerajaan yang besar seperti Melaka. Justeru itu, lagu ini dapat memberi paparan masyarakat Melayu sebagai masyarakat yang sangat taat dan setia kepada sejarah, raja dan bangsa. Kenyataan tersebut boleh dilihat melalui petikan lagu berikut:

Kita buka kitab lama
Sejarah Melayu itu tuan
Karangan Tun Seri Lanang
Betapa hebat kerajaan
Melayu Melaka
Teguh berdiri berabad lama

Angin angin
Sultan Mahmud kalah perang
Dia undur membawa diri harta
Rakyat dan isteri
Betapa lemah kita
Tidak ada pakat
Tidak bersatu hati
.....
Angin angin
Kini kita sudah teguh
Pengajaran yang lalu menjadi ingatan
Betapa penting pakat tuan

Tidak ada pecah belah
(Aripin Said, 2002)

Petikan lagu di atas memberi pengajaran dan nasihat kepada khalayak supaya hidup bersatu padu dan teguh demi bangsa, negara dan agama. Kejatuhan kerajaan Melayu Melaka dapat dijadikan teladan bagi masyarakat pada masa kini. Oleh itu, rakyat perlu memahami sejarah kerana sejarah silam sentiasa menjadi ingatan dan pengajaran.

b) Taat setia kepada pesan datuk nenek

Pesanan dari orang tua terutama datuk dan nenek adalah satu perkara yang amat penting bagi masyarakat Melayu. Hal ini kerana mereka pernah melalui kehidupan pahit manis sebelum generasi baharu. Begitulah yang dipaparkan oleh pengarang melalui lagu *Burung Kenek-kenek*.

Burung Kenek-kenek
Terbang tinggi di awan
Pesan datuk nenek
Pandai-pandai cari kawan

Burung kenek-kenek
Hinggap di atas dahan
Pesan datuk nenek
Sujudlah pada Tuhan
.....
Burung kenek-kenek
Hinggap tepi perigi
Pesan datuk nenek
Bangun pagi-pagi

Burung kenek-kenek
Hinggap di atas atap
Pesan datuk nenek
Rajin-rajin baca kitab
.....
Burung kenek-kenek
Hinggap di atas bumbung
Pesan datuk nenek
Jangan laku sompong
Burung kenek-kenek
Hinggap pohon kelapa
Pesan datuk nenek
Patuh ibu bapa

(Aripin Said, 2002)

Lagu ini banyak memberi nasihat kepada khalayak terutama kanak-kanak. Beberapa pesanan yang disampaikan oleh pengarang, seperti taat kepada Allah, rajin belajar, cara

memilih kawan, bangun pagi, tidak sompong dan patuh kepada kedua ibu bapa. Lagu ini merupakan gambaran orang Melayu dalam mentaati pesanan dan nasihat yang disampaikan oleh orang tua.

c) *Pekerjaan orang Melayu*

Orang Melayu di Malaysia juga tidak jauh bezanya dengan orang Melayu di Selatan Thailand. Mereka mengerjakan sawah padi sebagai pekerjaan utama. Pelbagai aktiviti yang dilakukan untuk mendapatkan beras seperti menuai, mengetam dan menampi padi. Pada zaman dahulu, masih menggunakan tenaga manusia kerana belum wujud teknologi pertanian yang canggih. Lagu yang mencerminkan pekerjaan orang Melayu sebagai petani dapat dilihat melalui lagu *Ya Habibun*, seperti berikut:

Ya habibun
Petang itu di halaman rumah
Dia menampi padi
Menampi beras
Mengindang beras
Menampi padi
pecuk pecuk
pecak pecak pecak {Baris ini ulang 4x}
(Aripin Said, 2002)

Petikan lagu di atas memperlihatkan aktiviti orang Melayu yang berkaitan dengan bersawah padi. Mereka akan menggunakan masa pada sebelah petang untuk menampi padi. Ia merupakan satu aktiviti yang biasa dilakukan oleh orang Melayu pada zaman dahulu yang sukar sekali untuk ditemui pada masa sekarang. Selain bersawah, orang Melayu juga gemar berdagang yang jelas terpancar melalui lagu *Indung-indung*. Mereka akan pergi berhijrah ke negara-negara jiran dengan merentasi laut seperti Brunei, Singapura dan Indonesia. Dengan berhijrah ke tempat lain, mereka akan menemui pelbagai pengalaman hidup sama ada dari segi pergaulan atau sosial sesebuah masyarakat dan yang lebih penting ialah mendapatkan wang untuk menyara diri dan keluarga. Petikan lagu berikut menggambarkan situasi tersebut.

Anak dagang pergila merantau
Membawa keris luk tujuh belas
Besi dititik besi di tinting
Diasap kemenyan tunggal
Dibasuh air belimbing buluh
.....
Sebulan
Sebulan dagang menggalas lalu
Jejak ditikam mati jua
(Aripin Said, 2002)

d) Keris sebagai lambang kekuatan

Keris bukan sahaja sebagai alat senjata untuk mempertahankan diri, tetapi turut menjadi lambang kekuatan dan kehebatan seseorang seperti mana yang tercatat dalam sejarah Melayu. Keris digunakan untuk mempertahankan diri (misalnya sewaktu bersilat) dan sebagai alat kebesaran diraja. Senjata ini juga merupakan lambang kedaulatan orang Melayu. Keris yang paling masyhur ialah keris Taming Sari yang merupakan senjata Hang Tuah, seorang pahlawan Melayu yang terkenal. Begitulah yang disampaikan dalam lagu *Indung-indung* di mana keris perlu dimiliki ketika hendak merantau seperti rangkap lagu berikut;

Bisanya keris tidaklah terkira
Sebulan
Sebulan dagang menggalas lalu
Jejak ditikam mati jua
(Aripin Said, 2002)

Lagu ini telah memperlihatkan betapa pentingnya keris dalam kehidupan seorang perantau. Mereka perlu membekalkan semangat dan kekuatan yang tinggi seperti mana kuatnya keris. Ini termasuk kekuatan fikiran, rohani dan jasmani. Kekuatan ini menjadikan manusia boleh menjana ekonomi, memasuki alam sosial dengan pelbagai cabaran serta mengenali budaya kehidupan. Hal inilah yang disampaikan melalui lagu di atas dengan memberi nasihat kepada khalayak tentang kekuatan yang perlu ada dalam jiwa seseorang dalam menghadapi kehidupan.

e) Bersifat tolak- ansur

Tolak ansur adalah sifat yang sinonim dengan bangsa Melayu. Dari dahulu lagi sifat tolak ansur ini berkait rapat dengan kehidupan orang Melayu sehingga boleh dikatakan ia sudah menjadi sebahagian budaya orang Melayu. Orang Melayu sememangnya suka bertolak ansur dan ia adalah sifat yang sangat mulia kerana ia menunjukkan bangsa Melayu penyabar dan sanggup beralih demi menjaga hubungan baik dan mengekalkan perpaduan supaya wujud keharmonian antara kaum. Lagu rakyat *Anak kambing cantik-cantik* berikut memberi gambaran sifat orang Melayu sentiasa bertolak-ansur.

Oh Kila Kila oh
Oh Kila Kila oh
Makanlah pucuk kayu
Kampung sebelah hulu
Makan bergilir-gilir
Kampung sebelah hilir
(Aripin Said, 2002)

Lagu ini menjelaskan kepada khalayak bahawa masyarakat Melayu terutamanya mereka yang tinggal di perkampungan sentiasa tolong-menolong dan bertolak ansur sesama mereka. Mereka akan menghormati dan menghargai kepelbagaiannya budaya, pegangan dan

adat resam penduduk dunia. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa ciri tersebut merupakan unsur terpenting yang membawa kemakmuran yang dinikmati Malaysia pada hari ini.

f) *Hidup dikelilingi dengan alam semula jadi*

Masyarakat Melayu sangat rapat dengan alam semula jadi, terutamanya masyarakat yang tinggal di kampung. Mereka dilahirkan dan dibesarkan dalam suasana kampung yang dikelilingi dengan sawah padi, pokok-pokok kayu dan binatang-binatang. Lirik lagu *Alamat Hari Nak Siang* berikut telah menggambarkan suasana kehidupan orang Melayu yang sangat mempesonakan.

Orang tua berkalih tidur
Em bun jantan rintik-rintik
Berbunyi kuang jauh ke tengah
Sering lanting riang di rimba
Melenguh lembu di padang
Sambut menguak kerbau di kandang
Berkokok mendung merak mengigal
Fajar sidik menyingsing naik
Kicak kicau bunyi murai
Taptibau melambung tinggi
Berkuku balam di hujung bendul
Terdengut puyuh panjang bunyi
Puntung sejengkal tinggal sejari
Itulah alamat hari nak siang

(Aripin Said, 2002)

Petikan lirik lagu di atas menjelaskan suasana kampung dari pagi hingga ke malam. Pada waktu malam ketika manusia sedang tidur terdengar suara kuang, lembu dan kerbau menguak. Pada waktu pagi pula, embun membasahi rumput dan daun-daun, burung murai berkicauan dan puyuh juga berkuku. Kesemua ini menunjukkan kesegaran dan keamanan yang wujud dalam masyarakat Melayu di kampung.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas jelas memperlihatkan persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam lagu rakyat Melayu Patani dan Malaysia. Lagu rakyat Melayu Patani secara keseluruhannya disampaikan dalam bentuk pantun. Seni kata yang digunakan dalam lagu lazimnya menggunakan bahasa Melayu dialek Patani atau loghat-loghat tempatan. Pelbagai sosiobudaya yang terkandung dalam lagu rayat Melayu Patani seperti peranan wanita dalam mendidik anak, makanan tradisional, pekerjaan orang Melayu, pakaian orang Melayu, pergaulan antara lelaki dengan perempuan, aktiviti permainan kanak-kanak, aktiviti kesenian, peranan sireh pinang dalam masyarakat Melayu, agama Islam sebagai asas kehidupan orang Melayu Patani.

Lagu rakyat Melayu Malaysia pula menggambarkan sosiobudaya orang Melayu dari segi cara hidup mereka yang menjadikan sejarah sebagai pedoman hidup, konsep taat setia

kepada pesanan datuk nenek, pekerjaan orang Melayu, keris sebagai lambang kekuatan, sifat tolak ansur dan hidup yang dikeliligi dengan alam semula jadi. Lagu rakyat Melayu Patani dan Malaysia dinyanyikan dalam upacara perkahwinan, bersunat, mencukur bayi dan aktiviti yang berkaitan dengan pertanian. Kedua-dua lagu rakyat mempunyai persamaan dari segi bentuk dan fungsi. Walau bagaimanapun, lagu rakyat Melayu Malaysia mempunyai pelbagai bentuk, iaitu bukan sahaja dalam bentuk pantun tetapi turut dihasilkan dalam bentuk nazam dan syair. Cara persembahan juga berlainan dengan lagu rakyat Melayu Patani kerana ia penuh dengan falsafah, ibarat dan kiasan. Sementara lagu rakyat Melayu Patani tidak memerlukan daya pemikiran yang tajam dalam memahaminya. Walau bagaimanapun, kedua-dua lagu ini mempunyai unsur nasihat dan pengajaran yang sangat mendalam.

Selain itu, Teori Ekologi Budaya telah menunjukkan bahawa lagu-lagu rakyat bukan sekadar karya seni, tetapi juga mencerminkan elemen sosiobudaya dan identiti masyarakat. teori ekologi budaya mendedahkan masyarakat untuk mengetahui bagaimana unsur budaya, kepercayaan, nilai, dan norma dalam masyarakat Melayu Patani dan Malaysia terpancar melalui lirik, irama, dan tema lagu-lagu rakyat. Lagu tersebut merupakan saluran komunikasi yang menghubungkan generasi dan mengabadikan pengalaman serta pandangan hidup masyarakat Melayu. Secara keseluruhannya, manifestasi sosiobudaya dalam lagu rakyat memperlihatkan nilai dan kekayaan warisan budaya yang harus dipelihara dan diwarisi kepada generasi mendatang.

Rujukan

- Carol R. E. & Melvin, M. (1996). *Teori dan metoda antropologi budaya*. Dalam T. O. Ihromi (Ed.), *Pokok-pokok antropologi budaya*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Danandjaja, J. (1984). *Folklore Indonesia*. Jakarta: Penerbit PT Grafiti.
- Daud, H. (2011) Tradisi lisan dan pelancongan di Malaysia: satu saranan. Dalam: Festival & Seminar Kebangsaan Tradisi Lisan Dan Keusahawanan Warisan, 16-18 Oktober 2011, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Bachok, Kelantan.
- Din. (2007). *Asas kebudayaan dan kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Driss, S. (2006). Lagu rakyat di Sarawak: Pemuliharaan dan perubahan sosial. Dalam R. A. Hamid & J. Ilias (Eds.), *Lagu rakyat: Memupuk kesantunan Melayu* (hlm. 90-105). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harris, M. (1984). Kemunculan teori antropologi: sejarah teori-teori kebudayaan (Norazit Selat, Hashim Awang, Penterjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Menon, N. (2005). *Permainan, lagu dan puisi kanak-kanak*. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn. Bhd.
- Mohd, F. H. et al. (2019). Falsafah, bahasa dan pemikiran Melayu dalam lirik lagu Bangau Oh Bangau dan Burung Kenek-kenek. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(6), 14-26.
- Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia. (2024, Jun 18). Dato Aripin Said. Diakses dari [<http://www.arkib.gov.my/web/guest/607>]
- Said, A. (2002). *Nyanyian rakyat*. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Said, A. (2004). *Nyanyian rakyat mencari khazanah yang hilang*. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Selat, N. (1989). *Konsep asas antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Selat, N. (2006). Indung: Lagu rakyat dari Hulu Tembeling, Pahang. Dalam R. A. Hamid & J. Ilias (Eds.), *Lagu rakyat: Memupuk kesantunan Melayu* (hlm. 45-58). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- White, L. A. (1947). *The Science of Culture: A Study of Man and Civilization*. New York: Grove Press.
- Yasalae, & et al. (2012). *Lagu rakyat Melayu daerah Yingo, wilayah Narathiwat*. Bangkok: The Thailand Research Fund (TRF).